



02 AUG, 2024

Taktik sorok dadah dalam seluar jeans berjaya dipatahkan

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Taktik sorok dadah dalam seluar jeans berjaya dipatahkan

Klang: Cubaan pengedar dadah menghantar pil kuda atau amphetamine ke luar negara dengan menyembunyikan dalam sepasang seluar jeans gagal apabila berjaya dikesan pihak berkuasa.

Tindakan mereka terbongkar hasil pemeriksaan ke atas bungkusan di Pusat Mel dan Kurier (PMK) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada 16 Julai lalu.

Hasil pemeriksaan dilakukan sepasukan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menemukan

6,000 biji pil dianggarkan bernilai lebih RM9,000.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, penemuan itu hasil pemeriksaan ke atas bungkusan yang dikumpulkan di pusat berkenaan sebelum dihantar ke destinasi.

“Dalam siasatan ke atas bungkusan itu, pasukan mengesan tiga pekete berisi pil dipercayai pil kuda yang disembunyikan dalam seluar jeans.

“Bungkusan itu diikrarkan sebagai pakaian bagi mengelak dikesan pihak berkuasa untuk dihantar ke

negara Asia Selatan,” katanya dalam sidang media di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, di sini, semalam.

Norlela berkata, bungkusan terbabit disita dan dibawa ke Pejabat Kastam Pelabuhan Utara untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, pihaknya sedang mengesan penghantar disyaki dari negeri di pantai timur berdasarkan alamat yang tertera pada bungkusan berkenaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



SEBAHAGIAN daripada dadah yang dirampas.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Norlela berkata, pihaknya merampas sebuah kontena berisi empat juta batang rokok diang-

garkan bernilai lebih RM2.9 juta termasuk cukai pada 4 Jun lalu.

“Dalam pemeriksaan di Zon Bebas, Pelabuhan Ba-

rat, Pelabuhan Klang, kita menemukan sejumlah rokok dipercayai tidak mempunyai permit import.

“Pihak sindiket mengikrarkan dagangan sebagai ‘wood marquetry and Inlaid Wood’ di dalam borang manifes bagi mengelak dikesan JKDM,” katanya.

Katanya, nilai dagangan berdasarkan pemeriksaan dianggarkan berjumlah RM320,000 membabitkan duti atau cukai dianggarkan berjumlah RM2.6 juta.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.



02 AUG, 2024

Taktik sorok dadah dalam seluar jeans berjaya dipatahkan

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Klang: Cubaan pengedar dadah menghantar pil kuda atau amphetamine ke luar negara dengan menyembunyikan dalam sepasang seluar jeans gagal apabila berjaya dikesan pihak berkuasa. Tindakan mereka terbongkar hasil pemeriksaan ke atas bungkusan di Pusat Mel dan Kurier (PMK) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada 16 Julai lalu. Hasil pemeriksaan dilakukan sepasukan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menemukan

6,000 biji pil dianggarkan bernilai lebih RM9,000.